

12/06/2000

Kemenangan bukti rakyat terima BN

; Munaarfah Abu Bakar; R Magendran; Mohamed Sahidi Yusof
KUALA LUMPUR, Ahad - Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang semalam, adalah petanda bahawa BN terus diterima rakyat yang menolak isu perkauman dan agama.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menegaskan usaha pembangkang mencetuskan isu bahawa BN semakin kehilangan `taring' berikutan majoriti berkurangan, hanya untuk menutup `malu' kerana terus tewas selepas dua pilihan raya kecil diadakan.

"Menang tetap menang, tidak kiralah berapa majoritinya. Kurangnya majoriti disebabkan pelbagai perkara, tetapi yang penting ialah BN terus menang selepas dua pilihan raya kecil," katanya yang turut merujuk kepada kejayaan BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang, dua bulan lalu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, turut gembira dengan kemenangan di Teluk Kemang kerana ia membuktikan kepercayaan rakyat kepada BN masih kukuh.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai kemenangan itu sebelum membuat analisis menyeluruh.

"Saya belum boleh buat komen lanjut kerana nak buat analisis mendalam terhadap kemenangan itu terlebih dulu," katanya.

Ling juga enggan menjawab soalan mengenai sokongan pengundi kaum Cina yang difahamkan merosot dalam pilihan raya kecil itu.

Sebaliknya, beliau berkata, apa yang penting, berdasarkan keputusan pilihan raya kecil baik di Teluk Kemang atau Sanggang baru-baru ini, ialah BN masih mampu mengekalkan sokongan majoriti rakyat.

Di Kuantan, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kemenangan BN pada dua pilihan raya kecil yang diadakan tahun ini membuktikan parti itu masih mendapat tempat di hati rakyat.

Beliau berkata, dalam mana-mana pilihan raya kecil, kemenangan akan membawa kebanggaan dan undi yang diberikan kepada BN menunjukkan sokongan yang dikekalkan oleh rakyat kepada parti pemerintah.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, pula meminta BN Negeri Sembilan melakukan bedah siasat bagi mengenal pasti punca kemerosotan majoriti undi yang amat ketara.

Katanya, BN sepatutnya mampu mendapat majoriti undi yang lebih besar kerana kawasan berkenaan mendapat undian terbesar pada pilihan raya umum lalu.

"Selain itu, BN Negeri Sembilan juga perlu menganalisis faktor yang menyebabkan hanya 44,079 atau 68.18 peratus daripada 66,646 pemilih berdaftar keluar mengundi berbanding pengundi yang layak.

"Bagaimanapun, ramai tidak mengundi kerana mungkin berlaku kesesakan lalu lintas semalam," katanya.

Di Kota Bahru, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata satu kajian perlu dibuat berhubung jumlah majoriti yang agak merosot berbanding pada pilihan raya umum lalu.

"Bagaimanapun, apa yang penting ialah BN ternyata terus menjadi pilihan pengundi di Teluk Kemang selepas Sanggang... perkembangan ini amat memberangsangkan.

"Daripada maklum balas yang saya terima, segala perancangan Pemuda Umno nampaknya berjalan lancar, terutama dari segi menarik pengundi muda untuk menunaikan kewajipan masing-masing.

"Kita akan mengenal pasti pengundi daripada kelompok ahli (Umno) dan

bukan ahli... di mana mereka ketika hari pengundian dan adakah mereka keluar mengundi," katanya.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, pula berkata keputusan yang memihak kepada BN itu sekali gus menunjukkan rakyat menolak isu perkauman dan agama yang digunakan oleh pembangkang.

"Kemenangan BN itu bukan hanya memastikan kesinambungan pembangunan berjalan lancar, tetapi membuktikan hanya BN mampu mentadbir negara dengan baik menerusi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Di Ipoh, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, berkata kemenangan BN di Teluk Kemang membuktikan kerajaan pimpinan Dr Mahathir terus diterima walaupun berlaku sedikit kemerosotan majoriti undi.

"Dalam pilihan raya kecil, apabila BN yakin boleh menang, lazimnya jumlah pengundi yang keluar akan berkurangan," katanya.

Bagaimanapun, Tajol Rosli berkata, kemenangan BN di Teluk Kemang membanggakan dalam meneruskan kesinambungan kerajaan pimpinan BN di kawasan terbabit.

Di Alor Star, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata kemenangan BN membuktikan BN terus diperlukan rakyat demi pembangunan dan kestabilan politik.

Katanya, kemenangan itu juga bermakna rakyat begitu yakin dengan kemampuan kerajaan menangani kelembapan ekonomi sehingga berjaya memulihkannya ke tahap sekarang.

"Kedua-dua itu juga disebabkan faktor perpaduan dan kerjasama di antara anggota-anggota komponen parti memerintah, Barisan Nasional," katanya.

Bagaimanapun, katanya, majoriti rendah yang diperolehi S Sothinathan, 40, mempamerkan calon pilihan raya tidak lagi boleh mengharap kemenangan dengan majoriti yang terlalu besar.

Di Melaka, Ketua Menterinya, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata kemenangan BN membuktikan rakyat terus menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan BN.

Katanya, rakyat menyedari parti pembangkang memang tidak diharapkan kerana menyokong IMF ketika negara dilanda kelembapan ekonomi.

"Kekurangan undi majoriti yang diterima oleh BN adalah berpunca daripada isu-isu yang ditimbulkan parti pembangkang seperti calon masjid dan kuil," katanya.

(END)